



<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b>  (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menerima Akaun Semasa Pelbagai Mata wang Asing PB. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.)	<b>Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H)</b>  Nama Produk yang Ditawarkan: <b>Akaun Semasa Pelbagai Mata wang Asing PB</b>  Tarikh: 9 Oktober 2023
<b>1. Apakah produk ini?</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Akaun Semasa yang membolehkan pelanggan memegang sehingga dua belas (12) mata wang asing dalam satu akaun.</li><li>Produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.</li></ul>	
<b>2. Apakah yang saya peroleh dari produk ini?</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Boleh didapati dalam dua belas (12) mata wang asing utama, iaitu Dolar A.S. (USD), Pound British (GBP), Dolar Australia (AUD), Euro (EUR), Dolar Hong Kong (HKD), Dolar New Zealand (NZD), Dolar Singapura (SGD), Yen Jepun (JPY), Renminbi China* (CNY), Franc Swiss (CHF), Baht Thai (THB) dan Dolar Kanada (CAD).</li><li>* Peletakan Renminbi China oleh sesebuah syarikat hanya dibenarkan untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan.</li><li>Nikmati faedah harian bagi mata wang terpilih dengan tiada baki akhir harian minimum diperlukan untuk memperoleh faedah harian.</li><li>Faedah dikira setiap hari dan dikreditkan pada setiap akhir bulan. Ia dibayar mengikut mata wang yang berkenaan dan tertakluk pada perubahan.</li><li>Satu penyata akaun bulanan yang disatukan untuk semua mata wang disediakan dalam salinan keras.</li></ul>	
<b>3. Apakah terma dan syarat utamanya?</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Pencadang tidak diperlukan semasa membuka akaun.</li><li>Deposit permulaan minimum bersamaan USD1,000.00.</li><li>Terbuka kepada individu dan bukan individu iaitu Keempunyaan Tunggal, Perkongsian, Entiti Korporat, Persatuan, Kelab dan Pertubuhan.</li><li>Tiada baki minimum perlu dikekalkan dalam akaun.</li><li>Deposit dan pengeluaran tunai dalam mata wang asing tidak dibenarkan.</li><li>Deposit/Peletakan Akaun Semasa Pelbagai Mata wang Asing PB boleh dibuat menerusi:<ul style="list-style-type: none"><li>(a) Penukaran Ringgit Malaysia berdasarkan harga jualan semasa Bank pada waktu peletakan.</li><li>(b) Penukaran daripada satu mata wang asing kepada mata wang asing yang lain.</li><li>(c) Dana diterima melalui pindahan bertelegraf atau cek asing (kecuali cek yang didenominasi dalam CNY).</li></ul></li><li>Tiada buku cek dan kad ATM dikeluarkan.</li><li>Syarat bagi pembukaan dan pengendalian Akaun Semasa Pelbagai Mata wang Asing PB tertakluk pada dasar, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan undang-undang Malaysia termasuk Notis Dasar Pertukaran Asing.</li></ul>	



**4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

Bil.	Jenis Caj	Amaun
1.	<b>Fi Penyenggaraan Akaun</b>	RM30.00 (atau yang bersamaan) setahun bagi setiap pelanggan. <u>Nota:</u> <ul style="list-style-type: none"><li>Amaun bersekadar sebanyak RM15.00 (atau yang bersamaan) hendaklah dicaj ke atas akaun yang dibuka pada atau selepas 1 Julai.</li><li>Selepas itu, amaun penuh sebanyak RM30.00 (atau yang bersamaan) mesti dibayar pada 1 Disember pada tahun berikutnya.</li></ul>

- Tiada caj urus niaga untuk Akaun Semasa Pelbagai Mata wang Asing PB.

**5. Apakah risiko-risiko utamanya?**

- Risiko Kadar Pertukaran mungkin ditanggung semasa penukaran (jika ada) deposit mata wang asing. Perolehan daripada deposit mata wang asing bergantung pada kadar pertukaran semasa ketika deposit mata wang asing dikeluarkan. Perubahan dalam kadar pertukaran asing bagi penukaran itu mungkin menyebabkan pengurangan dalam perolehan faedah (jika ada) berkenaan dengan deposit dalam akaun tersebut.

**6. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan pada butiran untuk menghubungi saya?**

- Mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila kunjungi cawangan Public Bank yang berhampiran, hubungi Bank melalui 03-2170 8000 atau layari laman web Public Bank.

**8. Apakah jenis Akaun Mata wang Asing lain yang boleh didapati?**

- Akaun Semasa Mata wang Asing PB
- Akaun Deposit Tetap Mata wang Asing PB
- Akaun Deposit Tetap Pelbagai Mata wang Asing PB

**PERINGATAN**

**TERDAPAT RISIKO KADAR PERTUKARAN BAWAAN DALAM DEPOSIT MATA WANG ASING DISEBABKAN OLEH TURUN NAIK KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING BERBANDING DENGAN RINGGIT MALAYSIA.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan produk ini dikeluarkan pada 9 Oktober 2023 dan sah sehingga semakan semula berikutnya.